

17 MAY 1999

Hamid-Pijak

KERAJAAN AKAN TUTUP SEKOLAH SURUH PELAJAR PIJAK GAMBAR PEMIMPIN

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Kerajaan akan mengambil tindakan tegas dengan menutup tadika dan sekolah menengah agama yang didapati menyuruh pelajarnya memijak gambar pemimpin-pemimpin negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdul Hamid Othman berkata perbuatan tidak bertanggungjawab itu yang dikesan kira-kira lapan tahun lepas masih berterusan sehingga ke hari ini berikutan sikap berlembut yang diambil kerajaan.

"Sebelum ini kita mengambil pendekatan memberi nasihat dengan mengadakan pertemuan dengan pihak pentadbir tadika serta sekolah terbabit dan meminta mereka supaya tidak meneruskan perbuatan itu," katanya selepas menyampaikan bantuan zakat sebanyak RM2.26 juta kepada Institut Profesional Baitulmal (IPB) serta mangsa-mangsa banjir dan kebakaran sekitar Wilayah Persekutuan, di sini hari ini.

Dr. Abdul Hamid berkata beliau akan mengadakan perbincangan dengan Jabatan Agama Islam Negeri dan Jabatan Pendidikan Negeri yang mengawasi pendaftaran tadika dan sekolah agama bagi mendapatkan pandangan sebelum mengambil sebarang tindakan.

Sebelum ini kita membenarkan tadika dan sekolah berkenaan terus beroperasi kerana tidak mahu menjejaskan pelajaran kanak-kanak dan murid-murid terbabit, katanya.

Beliau berkata pihaknya juga mendapat maklumat bahawa ada tadika dan sekolah yang mengedarkan gambar pemimpin-pemimpin negara untuk dibaling batu dan ditikam dengan benda tajam oleh kanak-kanak.

Kita juga mengesan ada pihak pentadbir tadika dan sekolah yang sudah dipanggil untuk diberi nasihat menukar taktik dengan beralih kepada kegiatan menganjurkan aktiviti ceramah yang menghasut pelajar membenci pemimpin negara, katanya.

Beliau mengulas pendedahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini mengenai tindakan sekumpulan orang Melayu yang memberikan kepada kanak-kanak gambar pemimpin-pemimpin yang berjasa untuk dipijak-pijak oleh anak-anak kecil itu yang tidak tahu apa-apa.

Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan dalam kenyataannya semalam meminta kerajaan menubuhkan jawatankuasa khas bagi menyiasat perbuatan pihak -pihak terbabit yang memberi gambar untuk dipijak oleh kanak-kanak.

Dalam perkembangan lain, Dr. Abdul Hamid meminta masjid yang terletak di kawasan yang dilanda kejadian tanah runtuh dan banjir supaya mengadakan sembahyang Hajat bagi meminta Tuhan menjauhkan segala bala.

--BERNAMA

NY PR